



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i



Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 28 April 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**



## Authorities intensify crackdown on smuggling in Sandakan waters



Azdy said the operation has disrupted attempts to smuggle subsidized goods to neighbouring countries.

SANDAKAN: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) here, in collaboration with the Sandakan Marine Police (PPM), has ramped up efforts to curb the leakage of controlled

goods in Sandakan's waters through a joint enforcement operation targeting items such as subsidized cooking oil, liquefied petroleum gas (LPG), diesel, and petrol.

The operation, conducted from 9.00 pm Thursday to 2.30 am Friday, involved nine enforcement officers from KPDN and PPM. Inspections covered key areas including Sungai Seguntor, the coastal zone of Tanah Merah-Kampung Bokara, and private jetties in Sandakan. Marine Police assets were deployed to inspect boats and vessels in these waters. Preliminary checks revealed no violations under the Control of Supplies Act 1961, though authorities remain vigilant.

Under the Control of Supplies Act 1961 (Act 122), individuals convicted of smuggling controlled goods face fines of up to RM1 million, imprisonment of up to three years, or both. Repeat offenders risk fines up to RM3 million or imprisonment of up to five years. Companies may be fined up to RM2 million for initial offenses and RM5 million for subsequent violations.

From January 1 to April 25, 2025, KPDN Sandakan investigated 15 cases involving seized goods valued at RM1,302,073.20. These cases were referred by enforcement agencies, including the Royal Malaysia Police (PDRM), Marine Police, and the General Operations Force (PGA).

The operation has disrupted attempts to smuggle subsidized goods such as LPG, cooking oil, wheat flour, sugar, RON95 petrol, and diesel to neighbouring countries.

KPDN Sandakan reaffirmed its commitment to strengthening strategic partnerships with PDRM, PPM, and PGA, particularly in coastal and border areas, to prevent the diversion of subsidized goods.

"This collaboration is critical to safeguarding national resources and ensuring controlled items remain accessible to Malaysians at regulated prices," KPDN Sandakan enforcement chief Azdy Zukry John said in a statement. — James Leong



NURADLI  
RIDWAN SHAH  
MOHD DALI

**D**ALAM era ekonomi global yang sentiasa berubah, pengguna sering menghadapi cabaran kenaikan harga barang. Salah satu penyumbang utama kepada fenomena ini ialah perang dagang antara kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat (AS) dan China, terutamanya ketika era pentadbiran Presiden Donald Trump. Dalam usaha melindungi industri tempatan, Trump telah mengenakan tarif atau cukai import yang tinggi ke atas barang dari China dan beberapa negara lain. Langkah ini mencetuskan tindak balas tarif oleh negara-negara terlibat, lalu mengganggu rantaian bekalan global dan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran serta harga barang di pasaran antarabangsa, termasuk Malaysia.

Kenaikan harga barang ini boleh berlaku atas pelbagai sebab lain seperti inflasi, kos logistik yang meningkat, atau dasar kerajaan yang berubah. Walaupun kenaikan ini sering di luar kawalan pengguna, masih ada strategi efektif yang boleh diterapkan untuk mengurangkan impak kewangan terhadap kehidupan harian.

Salah satu kaedah terbaik untuk pengguna menangani cabaran ini ialah melalui pembelian secara bijak. Strategi ini melibatkan pengguna memahami sepenuhnya keperluan harian dan berbelanja secara lebih terancang. Contohnya, pengguna boleh membuat senarai belian yang jelas dan mengelakkan pembelian secara spontan. Amalan ini membantu pengguna mengawal perbelanjaan dan memastikan wang hanya dibelanjakan untuk barang yang benar-benar diperlukan.

Selain itu, memanfaatkan teknologi juga merupakan langkah bijak dalam menangani kenaikan harga barang. Hari ini, pelbagai aplikasi mudah alih yang menyediakan perbandingan harga barang di pasaran boleh dimuat turun secara percuma. Antara aplikasi yang berguna ialah *Price Catcher*, yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN). Aplikasi ini membolehkan pengguna membandingkan harga lebih 400 barang keperluan harian di pelbagai premis perniagaan di



SELAIN daripada langkah pembelian yang bijak, pengguna juga perlu bijak mengurus kewangan secara keseluruhan.

## Bertahan dari krisis ekonomi, perang tarif

**“Pelbagai aplikasi mudah alih yang menyediakan perbandingan harga barang di pasaran boleh dimuat turun secara percuma. Antara aplikasi yang berguna ialah Price Catcher.”**

seluruh negara. Dengan menggunakan aplikasi ini, pengguna dapat membuat keputusan pembelian yang lebih tepat, menjimatkan masa dan memastikan mereka memperoleh nilai terbaik untuk wang yang dibelanjakan.

Namun begitu, pengguna juga perlu berhati-hati dengan gejala pembelian dalam talian secara impulsif, terutama semasa musim jualan atau ketika menerima mesej promosi. Pembelian impulsif tanpa perancangan boleh mengganggu bajet bulanan dan membawa

kepada pembaziran. Begitu juga dengan penggunaan kaedah “Beli sekarang, bayar kemudian” (BNPL) yang kini semakin popular. Walaupun ia kelihatan mudah dan menarik, penggunaan BNPL secara tidak terkawal boleh menyebabkan pengguna terjebak dalam hutang jangka pendek yang tidak disedari, kerana komitmen pembayaran akan tetap datang walaupun barang telah lama digunakan atau tidak diperlukan lagi.

Pembelian secara pukal juga boleh dijadikan strategi efektif dalam menghadapi kenaikan harga. Membeli barang keperluan secara pukal pada harga borong atau semasa promosi dapat menjimatkan wang dalam jangka masa panjang. Namun, pengguna perlu merancang dengan baik supaya pembelian ini benar-benar berbaloi dan tidak menyebabkan pembaziran.

Pengguna juga disarankan untuk sentiasa peka terhadap perubahan harga semasa melalui media sosial, laman sesawang kerajaan atau platform berita yang sah. Kepekaan terhadap trend harga dapat membantu pengguna merancang

HARI: ISNIN  
TARIKH: 28/4/2025  
M/SURAT: 14

kemahiran sedia ada seperti mengajar, menterjemah atau mereka bentuk grafik. Pendapatan tambahan ini dapat membantu meningkatkan daya tahan kewangan tanpa perlu mengorbankan masa dan keselesaan secara berlebihan.

Dalam menghadapi tekanan kenaikan harga barang, pengguna juga disarankan untuk menyusun keutamaan perbelanjaan berdasarkan prinsip Maqasid Syariah, iaitu dimulakan dengan daruriyat (keperluan asas), diikuti oleh hajiyat (kehendak) dan seterusnya tahsinyyat (barang mewah). Daruriyat merangkumi keperluan yang tidak boleh ditinggalkan seperti makanan, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan asas yang perlu diutamakan dalam apa jua keadaan. Hajiyat pula melibatkan keperluan yang memudahkan kehidupan seperti peralatan rumah atau kemudahan pengangkutan. Manakala tahsinyyat melibatkan perkara-perkara yang melengkapkan gaya hidup seperti barang mewah, hiasan atau perbelanjaan untuk hiburan. Dengan mengamalkan kaedah perbelanjaan berdasarkan keutamaan ini, pengguna bukan sahaja dapat menjaga kesstabilan kewangan tetapi juga mengelakkan pembaziran dalam situasi ekonomi yang mencabar.

Peranan kolektif masyarakat juga penting. Komuniti pengguna boleh berganding bahu dengan melaporkan kenaikan harga yang tidak munasabah kepada pihak berkua agar tindakan pantas boleh diambil bagi menstabilkan harga di pasaran.

Walaupun pengguna pembelian yang bijak, pengguna juga perlu bijak mengurus kewangan secara keseluruhan. Ini termasuk menyusun belanjawan harian, mingguan, dan bulanan secara sistematis. Apabila belanjawan dirus dengan baik, pengguna dapat mengelakkan pembelian yang tidak perlu dan memastikan setiap sen digunakan dengan efisien.

Dalam jangka masa panjang, pengguna juga digalakkan untuk mempertimbangkan cara menjana pendapatan tambahan sebagai salah satu strategi menghadapi tekanan kewangan akibat kenaikan harga barang.

Ini boleh dilakukan tanpa perlu mengubah gaya hidup secara drastik - contohnya melalui perniagaan kecil-kecilan secara atas talian, menjadi ejen atau *dropship* produk, atau menawarkan perkhidmatan berdasarkan

PROFESOR Dr. Nuradli Ridwan Shah Mohd. Dali ialah Profesor di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Exco Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA) dan Bendahari Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC).



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Penyerahan dokumen statutori syarikat kepada SSM secara dalam talian mulai 1 Jun

**MIRI:** Berkutu kuasa 1 Jun 2025, pelaksanaan serah simpan dokumen statutori syarikat di bawah Akta Syarikat 2016, secara mandatori kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan dilakukan secara dalam talian.

Menyertai Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia merupakan pelaksanaan fasa ketiga dan peringkat terakhir inisiatif Malaysia Business Reporting System 2.0 (MBRS 2.0), yang diperkenalkan tahun lalu, menerusi fasa satu (pada 1 Disember, 2024) dan fasa dua (1 Mac, 2025).

"Fasa ketiga ini melibatkan semua dokumen di bawah Akta Syarikat 2016 iaitu Penyata Kewangan dan Laporan (PK) teraudit, permohonan dan serah simpan rektifikasi atau perintah mahkamah PK serta semua permohonan berkaitan lanjutan masa atau pengecualian PK.

"Dengan pelaksanaan fasa 3 ini juga, semua pelaksanaan serah simpan dokumen statutori secara mandatori melalui serahan secara fizikal di kaunter akan ditamatkan sepenuhnya mulai 1 Jun 2025," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Armizan memberitahu, langkah ini sejajar dengan agenda Kerajaan Madani dalam melonjakkan pendigitalan perkhidmatan agensi kerajaan dan MBRS 2.0 dibangunkan sebagai platform digital bagi mengantikan kaedah penyerahan fizikal melalui kaunter.

"Sistem ini diperkenalkan khusus untuk memudahkan cara penyerahan penyata tahunan, penyata kewangan, laporan serta permohonan pengecualian secara berperingkat di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Syarikat 1965.

"Ini termasuk memudahkan cara sistem dan proses pendaftaran serta pematuhan tatakelola semua entiti per-



**SERAH:** Armizan (empat kiri) menyerahkan Sijil SSM kepada pemilik premis farmasi yang terletak di Miri Times Square, sambil disaksikan (dari kiri) Galong, Mohd Sayuthi, Ting dan Nor Azimah (kanan).

niagaan.

"MBRS 2.0 merupakan sistem serah simpan dokumen statutori yang telah diperingkatkan berbanding versi asal MBRS," tambahnya.

Fasa satu telah bermula pada 1 Disember 2024 melibatkan dokumen-dokumen di bawah Akta Syarikat 2016 iaitu Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan dan Laporan (PK) Tidak Diaudit, Perakuan bagi Syarikat Persendirian Terkecuali (EPC) dan Permohonan & Serah Simpan Rektifikasi/Perintah Mahkamah bagi PT dan PK Tidak Diaudit.

Manakala fasa dua telah berkuat kuasa pada 1 Mac 2025, melibatkan PT, PK dan perakuan EPC di bawah Akta Syarikat 1965, PK bagi Institusi Kewangan yang dikawal oleh Bank Negara Malaysia di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016, Akuan Berkanan dan Penyata Kewangan dan Laporan Negara Asal (Ibu Pejabat) bagi Syarikat Asing di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016 serta permohonan dan serah simpan rektifikasi/perintah mahkamah bagi PT dan PK Teraudit di bawah Akta Syarikat 1965.

Terdahulu, Armizan telah

merasmikan Pejabat SSM Cawangan Miri yang terletak di Miri Times Square, Marina Parkcity di sini, semalam.

Beliau memberitahu, Pejabat SSM Cawangan Miri merupakan yang pertama dan satu-satunya cawangan yang beroperasi di premis milik SSM sendiri daripada keseluruhan tujuh cawangan SSM di seluruh negara.

Beliau berkata dengan perkembangan industri minyak dan gas di bandar raya ini dan Sarawak, pembukaan Pejabat SSM Cawangan Miri ini tepat sekali dan berfungsi sebagai pusat utama kepada komuniti sektor korporat bukan sahaja di Miri tetapi juga dari Bintulu, Limbang dan Lawas bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan pendaftaran syarikat dan perkongsian liabiliti terhad (PLT).

Mengulas lanjut beliau memberitahu bahawa berdasarkan statistik SSM, sebanyak 89,290 syarikat telah diperbadankan dan 2,052 PLT didaftarkan di Sarawak setakat 31 Mac 2025.

Daripada jumlah ini, sebanyak 45,249 syarikat dan 1,873 PLT adalah aktif, katanya.

"Bagi tempoh yang sama, sebanyak 24,009 syarikat

telah diperbadankan dan 397 PLT telah didaftarkan di bawah seliaan Pejabat SSM Miri.


"Daripada jumlah ini, sebanyak 12,088 syarikat dan 372 PLT adalah aktif," ujarnya.

Hadir sama pada sidang media dan majlis perasmian itu ialah Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif SSM Datuk Nor Azimah Abdul Aziz dan Residen Bahagian Miri Galang Luang.

Pada majlis semalam juga, Armizan turut menyampaikan sumbangan Wakalah Zakat Korporat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SSM berjumlah RM197,356.

Ia merupakan sebuah van jenazah bernilai RM137,356 diberikan kepada Masjid Al Ummah, Miri manakala sumbangan Wakalah Zakat Korporat dan CSR SSM berjumlah RM60,000 diberikan kepada golongan asnaf, persatuan serta pertubuhan orang kurang upaya (OKU) dan surau di sekitar Miri.

## 阿米占:MBRS 2.0迎数字申报 公司委员会6月停收文件



阿米占为大马公司委员会美里分行致开幕辞。

(美里 27 日讯) 国内贸易及生活成本部长拿督阿米占表示，《大马商业报告系统 2.0》(MBRS 2.0) 第三阶段将于今年 6 月 1 日正式实施，大马公司委员会柜台将全面停止接收公司文件。

他指出，这阶段的实施，涵盖《2016 年公司法令》下各类法定文件的实体提交，包括审计财务报表 (AFS) 及其相关的更正申请、法院指令提交、延期或豁免申请。

### 简化报表提交程序

他今天为大马公司委员会美里分行主持开幕后表示，此举措符合昌明政府推动的政府机构服务数字化议程。

他说，《大马商业报告系统 2.0》是原版系统的升级版，旨在分阶段简化根据《2016 年公司法令》和《1965 年公司法令》提交年度申报、财务报

表、报告及豁免申请的程序。

“该系统作为数字平台开发，是为了取代实体柜台提交，以提高效率、透明度和用户便利性。”

《大马商业报告系统 2.0》第一阶段从去年 12 月 1 日起实施，强制提交的文件包括年度申报、未审计财务报表与报告、豁免私人公司证明书，以及针对年度申报、未审计财务报表与报告的更正或法院指令申请。

第二阶段自今年 3 月 1 日生效，涵盖根据《1965 年公司法令》提交的年度申报、财务报表与豁免私人公司证明书；由国行监管的金融机构根据《1965 年》和《2016 年公司法令》提交的财务报表；以及与外国公司相关文件。

在活动上，他也移交大马公司委员会发放的企业天课代理和企业社会责任捐款，总额达 19 万 7356 令吉。

(美里27日讯)国内贸易及生活成本部长拿督阿米占说，大马商业报告系统2.0 (MBRS 2.0) 第三阶段，将于6月1日开始实施，并将彻底终结在大马公司委员会柜台亲自提交法定文件的方式。

他指出，相关系统将包括2016年公司法令的所有文件，以符合昌明大马政府推动政府机构数码化的议程。

“第三阶段，包括经审计的财务报表、财务报表的修正或法院命令的申请和提交，及根据2016年公司法令下延长财务报表期限或豁免财务报表的所有申请。”

他今日主持公司委员会美里分部办公室开幕后的记者会时，这么说。

MBRS 2.0是大马商业报告系统的增强版本，旨在建立数码平台，取代到柜台实体交付的方式，以提高效率及透明度，促进消费者交易。

该系统可方便民众，根据2016年公司法

## 不必去櫃檯交文件 大馬商業報告系統6月起



■阿米占（左4）移交捐款及模拟钥匙予清真寺负责人。

令及1965年公司法令的规范，提交年对申报、财务报表、报告和豁免申请。

第一阶段（2024年12月1日起）包括根据2016年公司法令规范的年度报表、未经审计的财务报表、私人公司豁免 (EPC) 认证及年度及未经审计财务报表修正申请与法院命令。

第二阶段（2025年3月1日起）则包括根

据1965年公司法令规范的年度报表、财务报表、私人公司豁免认证、BNM监管的金融机构报表，及外国公司文件。

此外，阿米占移交公司委员会的慈善代理与企业社会责任 (CSR) 捐款，总额为19万7356令吉，其中包括为美里A1-Ummah清真寺提供一台灵车，以及向美里周围的福利组织及祈祷室捐款。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

## Manfaat pamer harga ubat kepada pengguna

**MULAI** Khamis 1 Mei ini, semua hospital dan klinik swasta di negara ini diwajibkan memaparkan harga ubat-ubatan di fasiliti mereka. Peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 (Akta 723) itu bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, melindungi pengguna serta mengelakkan ketidakadilan harga dalam sektor kesihatan swasta.

Selain hospital swasta, klinik swasta dan klinik pergigian swasta, peraturan tersebut turut melibatkan farmasi komuniti. Walaupun Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) tidak membantah inisiatif Kementerian Kesihatan (KKM), namun terdapat kebimbangan pengamal perubatan am swasta (GP) yang meminta kelonggaran dalam pelaksanaannya.

Persoalannya, adakah peraturan baharu itu benar-benar membawa kesan kepada orang ramai?

Dari sudut positif, mempamerkan harga ubat memberi kuasa kepada pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli. Dengan maklumat harga yang jelas, orang ramai boleh memilih ubat paling berpatutan tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada cadangan farmasi. Secara tidak langsung membantu mengurangkan kos rawatan kesihatan terutama bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Amalan ini juga mendesak farmasi dan klinik bersaing secara sihat. Mereka perlu menawarkan harga lebih berpatutan untuk menarik pelanggan, sekali gus mendorong pasaran ubat yang lebih kompetitif dan adil. Malah, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali sebelum ini menjelaskan, pelaksanaannya bukan untuk mengawal harga, sebaliknya memberi pilihan sejajar hak pengguna.

Bagaimanapun, ada juga cabaran. Kemungkinan sesetengah penyedia kesihatan kecil menghadapi kesukaran menyesuaikan struktur harga mereka terutamanya bagi ubat-ubatan khas yang sukar diperoleh. Ini boleh menjadikan perniagaan mereka jika pengguna hanya mengejar harga murah tanpa mempertimbangkan kualiti perkhidmatan.

Selain itu, tidak semua pengguna mempunyai pengetahuan tentang perbezaan antara ubat generik dan berjenama. Walaupun harga dipamerkan, pilihan mungkin tetap dipengaruhi faktor selain kos seperti reputasi atau nasihat perubatan.

Secara keseluruhannya, langkah mewajibkan mempamerkan harga ubat membawa banyak manfaat kepada orang ramai dari segi ketelusan. Namun, kejayaannya bergantung kepada kesedaran pengguna serta keupayaan industri farmasi menyesuaikan diri dengan amalan baharu ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 APRIL 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Apr	KPDN serbu kedai emas salah guna cap dagangan jenama terkenal	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1211603/kpdn-serbu-kedai-emas-salah-guna-cap-dagangan-jenama-terkenal">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1211603/kpdn-serbu-kedai-emas-salah-guna-cap-dagangan-jenama-terkenal</a>	HARIAN METRO
28-Apr	KPDN raids Perak jeweller for using counterfeit trademarks on gold jewellery	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1207222/kpdn-raids-perak-jeweller-using-counterfeit-">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1207222/kpdn-raids-perak-jeweller-using-counterfeit-</a>	NEW STRAITS TIMES
28-Apr	KPDN Perak serbu kedai emas salah guna cap dagangan jenama terkenal	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2416584">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2416584</a>	BERNAMA
28-Apr	Paradoks ekonomi Malaysia pasca pandemik: Malaysia ekonomi berkembang, kuasa beli rakyat berkurang	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/724919/khas/pendapat/paradoks-ekonomi-malaysia-pasca-pandemik-malaysia-ekonomi-berkembang-kuasa-beli-rakyat-berkurang">https://www.sinarharian.com.my/article/724919/khas/pendapat/paradoks-ekonomi-malaysia-pasca-pandemik-malaysia-ekonomi-berkembang-kuasa-beli-rakyat-berkurang</a>	SINAR HARIAN
28-Apr	Diskaun 50 peratus permohonan hak cipta galak pemilik karya daftar perlindungan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/diskaun-50-peratus-permohonan-hak-cipta-galak-pemilik-karya-daftar-perlindungan/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/diskaun-50-peratus-permohonan-hak-cipta-galak-pemilik-karya-daftar-perlindungan/#google_vignette</a>	UTUSAN
28-Apr	Peruntukan Agenda Payung Rahmah ditambah	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/04/27/peruntukan-agenda-payung-rahmah-ditambah/">https://www.tvsarawak.my/2025/04/27/peruntukan-agenda-payung-rahmah-ditambah/</a>	TVS
28-Apr	Rampasan barang seludup RM1.3 juta setakat ini di Sandakan	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/257133/rampasan-barang-seludup-rm1-3-juta-setakat-ini-di-sandakan-/">https://www.dailyexpress.com.my/news/257133/rampasan-barang-seludup-rm1-3-juta-setakat-ini-di-sandakan-/</a>	DAILY EXPRESS

28-Apr	Tiada lagi serahan dokumen statutori SSM secara fizikal bermula 1 Jun depan	<a href="https://utusansarawak.com.my/tiada-lagi-serahan-dokumen-statutori-ssm-sekara-fizikal-bermula-1-jun-depan/">https://utusansarawak.com.my/tiada-lagi-serahan-dokumen-statutori-ssm-sekara-fizikal-bermula-1-jun-depan/</a>	UTUSAN SARAWAK
28-Apr	Tiada lagi serahan dokumen statutori SSM di kaunter	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/04/27/tiada-lagi-serahan-dokumen-statutori-ssm-di-kaunter/">https://www.tvsarawak.my/2025/04/27/tiada-lagi-serahan-dokumen-statutori-ssm-di-kaunter/</a>	TVS
28-Apr	89,290 syarikat diperbadankan, 2,052 PLT di Sarawak	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/04/27/89290-syarikat-diperbadankan-2052-plt-di-sarawak/">https://www.tvsarawak.my/2025/04/27/89290-syarikat-diperbadankan-2052-plt-di-sarawak/</a>	TVS